

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN RASMI INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA, PETALING JAYA PADA 1HB SEPTEMBER, 1972

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara,<sup>1</sup> Yang Berbahagia Pengerusi Lembaga Penasihat Institiut Tadbiran Awam Negara,<sup>2</sup> Yang Berhormat Menteri-menteri, Saudara-saudara sekalian.

Saya berasa sukacita kerana dapat bersama-sama pada pagi ini dan juga untuk merasmikan Institiut Tadbiran Awam Negara atau National Institute of Public Administration ini.

Peristiwa hari ini sungguh besar maknanya kepada kita semua bukan saja bagi Dewan Latihan ini khasnya tetapi bagi perkhidmatan awam negara pada keseluruhannya. Pada hemat saya, perubahan nama dan taraf Dewan Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan ini kepada Institiut Tadbiran Awam Negara sudahlah tepat dengan waktunya.

Dalam keadaan negara kita semakin maju, maka sudah tentulah bidang tugas Institiut ini semakin luas pula serta rancangan latihan semakin pesat supaya dapat mewujudkan satu pentadbiran awam yang cekap dan lebih dinamis bagi menghadapi masa depan negara.

Sebagaimana sedia dimaklum, Kerajaan dan pentadbiran bukanlah satu perkara baru dalam masyarakat kita. Semenjak kita menjadi bangsa yang bertamaddun, telahpun ada bentuk Kerajaan dan pentadbiran sendiri. Pentadbiran awam yang ada sekarang bermula dari pemerintahan kolonial dan telah menempuh berbagai perubahan dan cabaran-cabaran. Akan tetapi pentadbiran awam moden di zaman merdeka mempunyai beberapa ciri yang membezakannya dari konsep pentadbiran awam sebelum merdeka dulu.

Pertama, objektifnya telah mengalami reorientasi dan tugasnya bertambah berlipat ganda dari berbagai aspek. Begitu pula methodologynya telah meningkat dari peringkat trial and error kepada satu disiplin yang mempunyai gabungan ilmu pengetahuan yang teratur dan semakin berkembang setiap masa.

---

<sup>1</sup> Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin.

<sup>2</sup> Dato Abdullah bin Ayob.

Saudara-saudara sekalian,

Objektif pentadbiran awam negara kita sayugia mengalami reorientasi oleh kerana negara sedang mengalami satu revolusi atau perubahan yang pesat. Pentadbiran negara hari ini hendaklah menjadi penggerak ataupun accelerator perubahan ekonomi dan sosial. Dalam menyempurnakan tugas pentingnya sebagai penggerak dan pendorong utama pembangunan negara, maka semestinya pula pentadbiran dapat menyebarkan faedah-faedah kemajuan ekonomi dan sosial kepada rakyat. Tegasnya, pentadbiran mestilah, in its ultimate analysis, memenuhi aspirasi rakyat mengisi cita-cita kemerdekaan di samping menjunjung rule of law dan hak-hak asasi manusia.

Zaman kita sekarang ini memerlukan Kerajaan meluaskan fungsinya melebihi apa yang berjalan pada masa lampau. Selain dari memberikan perkhidmatan yang sewajar, Kerajaan patutlah bersedia memenuhi tanggungjawab mengarah dan menggunakan tenaga manusia, sumber-sumber alam dan teknologi dunia moden bagi mencipta sebuah negara yang aman, makmur dan bahagia.

Rakyat menghendaki kemudahan dan layanan yang lebih bermakna. Mereka tidak lagi rela hidup dalam keadaan daif dan jahil. Mereka tidak harus berpeluk tubuh saja di tengah-tengah pergolakan yang berlaku sekeliling mereka, lebih-lebih pula dalam negara yang sedang membangun seperti kita ini. Rakyat memandang tinggi kepada Kerajaan bagi memenuhi kehendak dan tuntutan mereka dan ini memerlukan jentera pentadbiran awam yang benar-benar boleh mengatasi masalah sosial dan ekonomi serta menjamin masa depan yang lebih cemerlang untuk mereka.

Dalam keadaan tertentu, masalah masyarakat kita memerlukan langkah dan strateji yang realistik bagi mengatasinya. Kadang kala masalah ini menimbulkan kelemahan dalam kemampuan pentadbiran atau "administrative lag" iaitu keadaan tidak seimbang di antara cita-cita dan pelaksanaan—between aspiration and performance. Tegasnya, antara tuntutan yang perlu dipenuhi dengan kemampuan jentera pentadbiran melaksanakannya. Keadaan tidak seimbang ini merupakan halangan yang besar terhadap pembangunan negara.

Untuk menghadapi tanggungjawab yang semakin bertambah itu kita mestilah memperkuat keupayaan pentadbiran untuk menjayakan rancangan kemajuan ekonomi dan sosial. Dalam konteks

ini, pentadbiran awam merupakan jentera yang mustahak dalam menyusun rancangan dan program pembangunan serta melaksanakannya. Penggunaan kekayaan negara secara berkesan bergantung pada pelaksanaan program ekonomi dan sosial yang hanya boleh terjamin kejayaannya pada perkhidmatan awam yang benar-benar cekap dan berkesan.

Oleh kerana menyedari hakikat inilah maka Kerajaan memberi keutamaan yang tinggi kepada usaha mewujudkan satu perkhidmatan awam yang cekap dalam rancangan pembangunan negara. Kita sedar ini adalah satu syarat mutlak sekiranya matlamat negara hendak dicapai sepenuhnya.

Saudara-saudara sekalian,

Kita semua maklum bahawa usaha mewujudkan pentadbiran awam yang baik sudah semestinya mengambil masa yang tidak singkat dan melalui berbagai proses perubahan. Negara-negara yang sudah maju pun mendapati tugas ini tidak mudah dan tidak pernah selesai.

Kita syukur bahawa meskipun negara ini masih muda, sistem pentadbiran yang kita punyai sekarang boleh dibanggakan oleh kerana adanya semangat baru atau "a new sense of direction" dan keazaman kita membaikinya dari semasa ke semasa. Pembaharuan kepada bidang pentadbiran menghendaki pimpinan yang bermutu tinggi, penumpuan perhatian yang terus menerus dan juga dedikasi dari semua pihak dan golongan, dari pegawai atasan ke peringkat bawah.

Seperti yang saya sebutkan tadi, dalam keadaan di mana Kerajaan sentiasa menghadapi permintaan dan tuntutan yang mendesak daripada rakyat, kita terpaksa menentukan keutamaan atau "priorities". Kerajaan tidak dapat melakukan semuanya dengan serta merta; sebaliknya kita tidak boleh pula menangguhkan tindakan yang sepatutnya. Sekiranya kita cuba membuat terlalu banyak dengan sekali gus, tidak pula terjamin pelaksanaannya dibuat dengan sempurna.

Tidak syak lagi Instituit Tadbiran Awam Negara atau INTAN ini mempunyai tempat penting serta mustahak. Dalam keadaan kita mengejar masa untuk memenuhi matlamat pembangunan negara, pegawai-pegawai mestilah mempunyai fahaman yang jelas

mengenai masalah utama dan penting serta perkembangan baharu bagi menggubal dasar yang sempurna, membuat keputusan yang bijak dan mengarahkan rancangan secara berkesan.

Dalam hubungan ini, amatlah perlu kemahiran dan specialisation dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kerana memandangkan bahawa tidaklah munasabah mengharapkan seorang pegawai PTD itu menjadi pakar dalam semua bidang pentadbiran. Kerajaan telah bersetuju supaya Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik berkembang ke arah specialisation dalam bidang-bidang tertentu seperti Pengurusan Pentadbiran (Administration Management), Perhubungan Antarabangsa dan Hal Ehwat Luar Negeri (International Relation and Foreign Affairs), Pentadbiran Ekonomi (Economic Administration), Pembangunan Desa dan Pertanian—Pentadbiran Tanah dan Daerah (Rural and Agricultural Development—Land and District Administration), Pembangunan Masyarakat (Social Development), Keselamatan Dalam Negeri dan Pertahanan (Internal Security and Defence) dan Hal Ehwat Bandar dan Kerajaan Tempatan (Urban Affairs and Local Government).

Sesungguhnya specialisation dalam pentadbiran Awam hari ini menjadi tambah penting kerana kita telahpun membentuk beberapa badan atau Authority baharu bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi yang merupakan “a new dimension” dalam pembangunan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita mendengar dari Ketua Setiausaha Negara sebentar tadi bahawa Instituti Tadbiran Awam Negara ini telah pun menyusun semula kursus-kursus yang dijalankannya mengikut specialisation di bawah beberapa bidang pengajian seperti Pengurusan Sains, Tadbiran Pembangunan, Tadbiran Kewangan, Tadbiran Kerajaan Tempatan dan Tanah, dan lain-lain lagi.

Di sini saya suka mengambil peluang hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan latihan dalam Tadbiran Tanah kerana masalah tanah ini benar-benar merupakan satu hal yang rumit di semua negeri. Kecekapan dalam Tadbiran tanah hendaklah dipertingkatkan lagi dalam keadaan pembangunan sekarang ini. Soal tanah adalah satu-satunya faktor yang utama dalam mencapai pendapatan ekonomi dan taraf hidup yang tinggi untuk rakyat.

Tingkatan pembangunan yang akan dicapai bergantung pada hakikat ada atau tidaknya tanah untuk mengeluarkan hasil pertanian, hasil bumi atau untuk kegunaan yang lain. Kalau jentera pentadbiran tanah berjalan licin, tentulah dapat mempercepatkan lagi pengeluaran tanah. Oleh yang demikian, kakitangan yang bertugas di Pejabat Tanah hendaklah menerima latihan dari peringkat atasan sehingga keperingkat paling bawah sekali mengikut keperluan tugas mereka, supaya jentera pentadbiran berjalan sempurna setiap masa.

Saya diberi faham bahawa latihan Tadbiran Tanah di Instituit ini akan terhad kepada pengajian secara luas dan mendalam berkenaan tadbiran tanah. Oleh yang demikian, saya sudah pun mengarahkan beberapa bulan dahulu supaya Kementerian yang berkenaan mengambil alih tanggungjawab berhubung dengan latihan untuk pegawai dan kakitangan tanah. Latihan itu hendaklah secara lebih detail meliputi undang-undang dan peraturan-peraturan tanah dan juga teknik-teknik pengeluaran tanah yang sedang digunakan. Memang sudah kena pada tempatnya Kementerian yang berkenaan menjalankan latihan ini kerana ianya lebih dekat mengawasi perjalanan Pentadbiran Tanah di peringkat negeri dan daerah.

Saya juga berharap Instituit ini dapat memajukan ilmu pengetahuan dan keahlian dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta membina dan memupuk semangat pimpinan yang progresif dan dinamis di kalangan cadre perkhidmatan awam. Untuk mencapai perubahan ekonomi dan sosial yang segera, pentadbiran awam hendaklah mengikis sikap dan peraturan yang usang dan menggantikannya dengan sikap dan peraturan yang baru. Dengan demikian saya percaya Instituit ini akan dapat melahirkan "a new breed of civil servants" yang bukan saja mempunyai keupayaan (capacity) bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh berkesan tetapi juga "fully committed to the cause of national development."

Saya juga berharap supaya Instituit ini dapat mengambil inisiatif menyelaraskan latihan pengurusan di Malaysia. Disamping itu sudah sewajarnya pula Instituit ini menjadi pusat pertukaran ilmu pengetahuan, fikiran dan pengalaman bukan saja di antara pegawai-pegawai perkhidmatan awam tetapi juga di antara mereka dengan kalangan swasta dan pusat-pusat pelajaran tinggi di dalam negeri mahu pun di luar negeri.

Selain dari memberi latihan atau mengajar, saya rasa satu tugas penting yang harus dijalankan oleh Instituti ini ialah menjalankan penyelidikan. Dengan memulakan penyiasatan mengenai masalah pentadbiran dan menerbitkan hasil-hasil kajian itu serta perakuan untuk mengatasi masalah yang dikaji, Instituti ini akan membuat sumbangan yang besar memperbaiki dan meninggikan quality pentadbiran awam negara.

Di samping menjalankan penyelidikan, patut juga Instituti ini mengadakan perkhidmatan perundingan atau consultancy service bagi projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan atau pun Badan Berkanun. Saya percaya dengan tenaga keahlian yang ada padanya, Instituti ini boleh memberikan perkhidmatan perundingan yang bermutu dengan kerjasama dari badan-badan lain seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, Universiti-universiti dan pertubuhan-pertubuhan lain, seperti Institute of Management dan Institute of Public Relations. Usaha seperti ini, disamping membantu mencapai matlamat pembangunan negara, akan memberi erti yang besar dari segi memberi pengalaman kepada pegawai-pegawai tempatan dalam bidang perkhidmatan perundingan.

Saudara-saudara sekalian,

Bagi penutupnya, saya berharap agar Instituti ini dapat mencapai segala cita-cita dan objektifnya dan dengan demikian dapat memberi sumbangan langsung kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara ini. Saya mengambil kesempatan di sini menyeru Ketua-ketua Jabatan dan segenap lapisan pegawai Kerajaan supaya memberi kerjasama penuh kepada Instituti ini dalam menjalankan tugasnya serta menggunakan peluang-peluang latihan yang terbuka di Instituti ini.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Instituti Tadbiran Awam Negara, semoga ia akan terus berjasa kepada rakyat dan negara.



Tun Abdul Razak bin Hussein kelihatan sedang melawat Kilang India Malaysia Textiles di Mak Mandin, Pulau Pinang pada 2hb September, 1972.

(Gambar The New Straits Times)